

Badan Kehakiman Perlu Dihormati, Bukan Untuk Dihina - Ketua Hakim Negara Bernama
09 Julai, 2012

KOTA BAHARU, 9 Julai (Bernama) -- Semua pihak boleh memberikan pandangan masing-masing terhadap badan kehakiman negara atau sebarang keputusan penghakiman tetapi bukan sehingga peringkat menghina institusi itu.

Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria berkata seperti di negara luar contohnya England, mereka bebas memberikan pandangan sedemikian kerana secara tidak langsung ia boleh memberi penambahbaikan kepada sistem perundangan yang ada.

"Memberi pandangan ini adalah bagus dan ini boleh membantu kita develop undang-undang kita. Anda juga boleh menulis tetapi jangan sampai menghina mahkamah umpamanya.

"Kami terbuka dan kritikan ini perkara biasa dan banyak kita dengar keputusan mahkamah, ada yang katakan tidak logik atau sebagainya. Buktikan kalau kata keputusan hakim tidak adil, berpihak atau rasuah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Majlis Hakim-Hakim Malaysia Ke-46 di sini pada Isnin.

Hadir sama Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Raus Sharif, Hakim Besar Malaya Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinuddin dan Hakim Besar Sabah dan Srawak Tan Sri Richard Malanjum.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679059>